

Semua sekolah diarah tanam pokok

UM - 27/6/2007

KUALA LUMPUR 26 Jun - Sebanyak 10,000 sekolah di seluruh negara diarahkan menanam sekurang-kurangnya tiga batang pokok bagi meningkatkan kesedaran di kalangan generasi muda mengenai penjagaan alam sekitar.

Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, arahan itu yang berkuat kuasa hari ini adalah sebagai sokongan kepada Kempen Satu Bilion Pokok yang dilancarkan oleh Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNEP) baru-baru ini.

"Saya juga telah meminta kerjasama Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bagi mengenal pasti pokok-pokok yang sesuai untuk ditanam di sekolah-sekolah," katanya.

Hishammuddin berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Kempen Hari Pokok Sedunia di Sekolah

Saya juga meminta kerjasama Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mengenal pasti pokok-pokok yang sesuai untuk ditanam di sekolah-sekolah

**HISHAMMUDDIN
TUN HUSSEIN**
Menteri Pelajaran

Kebangsaan (SK) Bukit Damansara di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk S. Sothinathan.


Sekiranya usaha itu mencapai kejayaan, katanya, kementerian turut bercadang mewajibkan lima juta pelajar di seluruh negara untuk menanam sebatang pokok seorang sebagai sokongan kepada kempen UNEP.

Menurutnya, pokok-pokok berkenaan

akan diiktiraf sebagai milik pelajar yang menanamnya.

"Saya mahu orang ramai tahu pokok-pokok ini ditanam oleh siapa dan saya berharap menjelang September tahun depan semua lima juta pelajar kita telah menanam pokok," ujarnya.

Terdahulu dalam ucapannya, Hishammuddin berkata, sebanyak 727 sekolah rendah dan 1,188 sekolah menengah di seluruh negara telah menubuhkan Kelab Alam Sekitar.



HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN

"Kita berharap lebih banyak sekolah menubuhkan kelab ini bagi meningkatkan kesedaran di kalangan generasi muda bahawa alam sekitar perlu sentiasa dipelihara," ujarnya.